



**UNIVERSITI
MALAYA**

PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN



**BUKU PANDUAN
PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA**

KEMASUKAN SESI 2014/2015

www.umccd.edu.my

**BUKU PANDUAN
PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA
SESI 2014/2015**

KANDUNGAN

HALAMAN

**BAHAGIAN I
MAKLUMAT AM**

1.	Latar Belakang	3
2.	Kemudahan	3
3.	Visi	4
4.	Misi	4
5.	Program Diploma	4
6.	Kakitangan Pentadbiran	4

**BAHAGIAN II
MAKLUMAT PROGRAM**

1.	Pendahuluan	5
2.	Pendaftaran	5
3.	Struktur Program	6
4.	Kehadiran Kelas	7
5.	Skim Penggredan dan Gred	7
6.	Mengulang Kursus	8
7.	Mempertingkatkan Gred Kursus dan/atau Prestasi Akademik	8
8.	Penentuan Prestasi Akademik Pelajar	8
9.	Tidak Hadir Peperiksaan	9
10.	Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan	10
11.	Penilaian Kursus dan Pengajaran (PKP)	10
12.	Kalendar Pengajian Sesi Akademik 2014/2015	11
13.	Senarai Kursus Mengikut Semester	12

**BAHAGIAN III
PRO FORMA KURSUS**

1.	Kursus Wajib Universiti (Diploma Pengurusan)	16
2.	Kursus Wajib Universiti (Diploma Pengurusan Perniagaan)	31
3.	Kursus Wajib Universiti (Diploma Pengurusan Sumber Manusia)	46
4.	Kursus Teras Program (Diploma Pengurusan)	61
5.	Kursus Teras Program (Diploma Pengurusan Perniagaan)	81
6.	Kursus Teras Program (Diploma Pengurusan Sumber Manusia)	95
7.	Kursus Pengkhususan (Diploma Pengurusan)	118
8.	Kursus Pengkhususan (Diploma Pengurusan Perniagaan)	127
9.	Kursus Pengkhususan (Diploma Pengurusan Sumber Manusia)	137

**BAHAGIAN IV
PANDUAN KEWANGAN PELAJAR**

1.	Kadar Yuran	148
2.	Pengembalian Yuran	148
3.	Kaedah Bayaran Yuran	149
4.	Tindakan Jika Gagal Menjelaskan Hutang	149

BAHAGIAN I **MAKLUMAT AM**

1. Latar Belakang

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) yang ditubuhkan pada tahun 1998 merupakan sebuah pusat di bawah Canseleri Universiti Malaya yang menawarkan perkhidmatan perundingan pendidikan berterusan, program-program dalaman (*in-house*), seminar serta kursus-kursus pada peringkat sijil dan diploma.

Untuk memastikan semua program benar-benar berjaya mencapai objektifnya, satu Jawatankuasa Akademik telah dibentuk untuk membuat kajian terperinci, memberi nasihat dan panduan berkenaan langkah-langkah pelaksanaan secara keseluruhannya. Tumpuan diberikan terhadap setiap aspek yang berkaitan terutama sekali mengenai struktur program, isi kandungan program, kelayakan para pensyarah dan kemudahan pembelajaran yang berteraskan kepada kehendak pasaran kerja serta perkembangan teknologi semasa. Setiap tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus ini dipilih berdasarkan kepada kelulusan akademik dan pengalaman mereka dalam bidang berkaitan.

UMCCed berhasrat untuk menghasilkan individu-individu yang berupaya untuk mempamerkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional yang bersesuaian serta proses-proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.

Penawaran program-program yang berkualiti melalui UMCCed ini adalah bertujuan memenuhi hasrat Universiti Malaya untuk menyalurkan kepakaran serta memenuhi komitmennya untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada segenap lapisan masyarakat. Usaha ini juga adalah selaras dengan aspirasi negara untuk mewujudkan ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan inklusif melalui Model Ekonomi Baru serta menempatkan negara pada landasan betul untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

2. Kemudahan

Para pelajar yang mengikuti kursus pengajian di UMCCed dapat menikmati kemudahan – kemudahan tertentu di Universiti Malaya. Antaranya:

- Perpustakaan
- Keselamatan
- Perkhidmatan Pos
- Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan
- Kedai Buku Universiti
- Perkhidmatan Kesihatan
- Kompleks Perdana Siswa
- Perkhidmatan Penyediaan Makanan dan Katering
- Pengangkutan dan Pelancongan
- Penerbitan Universiti Malaya
- Rekreasi
- Rumah Universiti

Walau bagaimanapun, terdapat kemudahan-kemudahan yang tertentu yang memerlukan para pelajar menunjukkan kad matrik sebelum dapat menggunakannya. Di samping itu, pelajar juga perlu mematuhi beberapa syarat tambahan yang ditetapkan.

3. Visi

Menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang pendidikan berterusan.

4. Misi

Menyediakan peluang pendidikan berterusan kepada masyarakat umum, sama ada dari dalam atau luar negeri, dengan menawarkan kursus-kursus dan aktiviti yang bertujuan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan keterampilan individu dari segi profesion atau pembangunan diri.

5. Program Diploma

Pada masa ini terdapat tiga program Diploma yang ditawarkan oleh UMCCed di bawah Kluster Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan.

(1) Diploma Pengurusan – UCM

Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan pemahaman kaedah-kaedah pengurusan serta melengkapkan diri mereka dalam apa jua pengurusan organisasi dan persekitaran.

(2) Diploma Pengurusan Perniagaan – UCB

Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai pemahaman tentang prinsip pengurusan perniagaan dan melengkapkan mereka dengan asas yang kukuh bagi pembangunan kerjaya.

(3) Diploma Pengurusan Sumber Manusia – UCH

Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan pemahaman tentang prinsip dan kaedah-kaedah pengurusan sumber manusia serta melengkapkan diri mereka dalam apa jua pengurusan organisasi dan untuk pembangunan kerjaya.

6. Kakitangan Pentadbiran

PEJABAT PENGARAH			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Pemangku Pengarah / Timbalan Pengarah (Akademik)	Dr. Kuppusamy Singaravelloo	03-22463633	tp_a@um.edu.my
BAHAGIAN PROGRAM AKADEMIK (BPA)			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Ketua Bahagian	Pn. Farinda Abdul Ghani	03-22463459	farinda@um.edu.my
Pengurus Bahagian	En. Mohd Nasran Abd Halim	03-22463632	nasran@um.edu.my
Eksekutif Kanan	Cik Haidah Sa'adi	03-22463628	haidah@um.edu.my
Pembantu Eksekutif Kanan	Pn. Siti Noraishah Kalis	03-22463628	snoraishah@um.edu.my

BAHAGIAN KEWANGAN			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Eksekutif Kanan	Pn. Normaisarah Salim	03-22463647	nrmaisarah@um.edu.my
Eksekutif	Pn. Masturah Saari	03-22463650	mas@um.edu.my
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PELAJAR			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Penolong Pengurus	Pn. Noor Akidah Abdullah Tahrin	03-22463638	akidah@um.edu.my
Eksekutif Kanan	Pn. Marsyahana Umordin	03-22463640	marsyahana@um.edu.my
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN DASAR			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Pengurus Bahagian	En. Zaini Ineng	03-22463641	zany@um.edu.my
Eksekutif	En. Mohd. Shahrlniza Ishak	03-22463642	msniza@um.edu.my
SEKSYEN PEPERIKSAAN			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Ketua Seksyen	Pn. Nurziaty Alias	03-22463616	a_zetty@um.edu.my
SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT			
JAWATAN	NAMA	NO. TEL.	E-MEL
Ketua Seksyen	Cik Rohana Mydin	03-22463652	rohanamy@um.edu.my

BAHAGIAN II MAKLUMAT PROGRAM

1. Pendahuluan

- (1) Pelajar dinasihatkan supaya membaca maklumat tentang Sistem Semester melalui Buku Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Diploma) 2013 sebagai pelengkap kepada Buku Panduan Program Pengajian Diploma.
- (2) Pelajar perlu mengambil perhatian bahawa pendaftaran kursus adalah berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan pada semester berkenaan.
- (3) Bilangan pelajar untuk sesuatu kursus juga adalah tertakluk kepada kapasiti bagi kursus berkenaan.
- (4) Maklumat Am Program ini hanya terpakai untuk pelajar kemasukan sesi 2014/2015 sahaja. Buku ini hendaklah diguna pakai sepanjang tempoh pengajian pelajar.

2. Pendaftaran

- (1) Tempoh minimum bagi menyempurnakan sesuatu pengajian diploma ialah 6 semester dan tempoh maksimum pengajian adalah 9 semester.
- (2) Pada amnya bilangan kredit maksimum yang boleh diambil bagi satu-satu Semester I adalah 9 kredit manakala Semester II dan Semester III adalah 20 kredit. Pelajar baru dihadkan mengambil tidak melebihi 18 kredit dalam semester permulaan pengajian.
- (3) Pelajar hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya 12 kredit bagi Semester II dan Semester III. Mana-mana pelajar yang ingin mendaftar kurang dari yang ditetapkan hendaklah mendapat kebenaran daripada Pengarah UMCCed.

3. Struktur Program

- (1) Pelajar dikehendaki mengambil sejumlah **minimum 92 kredit**. Komponen kursus yang melayakkan seseorang pelajar dianugerahi Diploma ialah:
 - (a) Kursus Wajib Universiti (24 kredit)
 - (b) Kursus Teras Program (48 kredit)
 - (c) Kursus Pengkhususan (20 kredit)

- (2) Pemindahan Kredit
 - (a) **Pemindahan kredit** bermakna pemindahan kredit bersama-sama dengan gred yang diperolehi bagi kursus yang diambil oleh pelajar **selepas diterima masuk** untuk mengikuti program pengajian di Universiti.
 - (b) Kredit yang diperolehi bersama-sama dengan **gred dan mata gred** bagi kursus berkenaan akan **diambil kira** dalam pengiraan **PNG** dan **PNGK** pelajar. Kebenaran untuk pemindahan kredit tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit mempunyai **pertindihan sekurang-kurangnya 75%** dengan kursus yang ditawarkan di Universiti ini;
 - (ii) **Gred atau mata gred** yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah **tidak kurang daripada C atau 2.0**; dan
 - (iii) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit hendaklah merupakan kursus dari **program pengajian yang setaraf** dengan program pengajian yang sedang diikuti di Universiti.

- (3) Pengecualian Kredit
 - (a) **Pengecualian kredit** bermakna pengecualian dari mendaftar dan mengikuti kursus yang ditetapkan untuk sesuatu program pengajian berdasarkan kursus yang diambil oleh pelajar **sebelum diterima masuk** ke program pengajian Universiti ini seperti mana yang diluluskan oleh Senat. Kursus yang diluluskan pengecualian kredit akan diberikan **gred K** dan kredit **tidak diambilkira** dalam pengiraan **PNG** dan **PNGK**.
 - (b) Bagi maksud pertimbangan pengecualian kredit:
 - (i) Pelajar dikehendaki mengemukakan slip keputusan peperiksaan atau transkrip separa bagi program pengajian terdahulu; dan
 - (ii) Permohonan dikemukakan dalam semester pertama pengajian.
 - (c) Syarat-syarat untuk pengecualian kredit adalah seperti berikut:
 - (i) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit mempunyai **pertindihan sekurang-kurangnya 75%** dengan kursus yang ditawarkan di Universiti ini; dan
 - (ii) **Gred atau mata gred** yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah **tidak kurang daripada C atau 2.0**.
 - (d) Semua urusan pengecualian kredit hendaklah diselesaikan dalam semester pertama pengajian pelajar.

- (4) Permohonan Pemindahan dan Pengecualian Kredit
- (a) Permohonan untuk pemindahan atau pengecualian kredit hendaklah dibuat dengan menggunakan borang pemindahan kredit/pengecualian kredit yang boleh didapati di UMCCed. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Pengarah UMCCed tidak lewat dari hari Jumaat minggu kuliah kedua semester bersama-sama dengan:
- (i) Bayaran yuran proses atas suatu kadar yang ditetapkan. Yuran ini tidak akan dikembalikan; dan
- (ii) Dokumen sokongan seperti hasil pembelajaran kursus, silibus/kandungan kursus dan skim penggredan kursus yang dipohon untuk pemindahan atau pengecualian kredit.
- (b) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindahkan dan/atau dikecualikan tidak boleh melebihi satu pertiga jumlah kredit program pengajian berkenaan.
- (c) Pelajar akan dimaklumkan secara bertulis oleh Pengarah UMCCed mengenai keputusan permohonan pemindahan atau pengecualian kredit yang dipohon.

4. Kehadiran Kelas

- (1) Pelajar diwajibkan menghadiri semua kelas (kuliah dan tutorial).
- (2) Seseorang pelajar yang tidak dapat hadir kelas seperti yang ditetapkan mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengarah UMCCed. Pelajar yang tidak hadir kerana sakit, perlu mengemukakan surat akuan doktor ke UMCCed dengan seberapa segera yang boleh.
- (3) Mana-mana pelajar yang mencapai kehadiran di bawah 80% tanpa sebab yang boleh diterima atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran boleh dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir kursus.

5. Skim Penggredan Dan Gred

- (1) Gred rasmi Universiti serta maksudnya seperti berikut:

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
90-100	A+	4.0	Amat Cemerlang
80-89	A	4.0	Cemerlang
75-79	A-	3.7	Cemerlang
70-74	B+	3.3	Kepujian
65-69	B	3.0	Kepujian
60-64	B-	2.7	Kepujian
55-59	C+	2.3	Lulus
50-54	C	2.0	Lulus
45-49	C-	1.7	Gagal
40-44	D+	1.3	Gagal
35-39	D	1.0	Gagal
00-34	F	0.0	Gagal

- (2) Gred lulus bagi semua kursus adalah gred C kecuali bagi kursus yang dinilai hanya dari segi memuaskan atau tidak memuaskan.

6. Mengulang Kursus

- (1) Pelajar yang memperolehi gred gagal bagi sesuatu kursus dikehendaki mengulang kursus berkenaan sehingga mencapai sekurang-kurangnya gred lulus tertakluk kepada pelajar masih berada di dalam program pengajiannya.
- (2) Walau bagaimanapun sekiranya pelajar memperolehi gred F sebanyak tiga kali bagi kursus yang sama, pelajar adalah dianggap gagal keluar dari program pengajiannya di Universiti.

7. Mempertingkatkan Gred Kursus Dan/Atau Prestasi Akademik

Seseorang pelajar dibenarkan mengulang mana-mana kursus sekali sahaja untuk mempertingkatkan gred kursus yang telah lulus kepada satu gred yang lebih baik.

8. Penentuan Prestasi Akademik Pelajar

- (1) Kaedah Pengiraan PNG dan PNGK
- (a) Prestasi akademik pelajar bagi sesuatu semester ditunjukkan oleh PNG dan PNGK.

Contoh Pengiraan PNG:

Kursus	Gred	Mata Gred	Kredit	Kredit X Mata Gred
K1	A	4.0	4	$4 \times 4.0 = 16.0$
K2	C+	2.3	3	$3 \times 2.3 = 6.9$
K3	C-	1.7	3	$3 \times 1.7 = 5.1$
K4	C	2.0	3	$3 \times 2.0 = 6.0$
Jumlah			13	$\text{PNG} = \frac{34}{13}$ $= 2.62$

- (b) PNG ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester.
- (c) PNGK ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini bagi kursus di dalam program pengajiannya.
- (2) Keperluan minimum program pengajian

Untuk memenuhi keperluan minimum program pengajian di Universiti, seseorang pelajar hendaklah memperolehi PNG dan PNGK tidak kurang daripada 2.0 pada setiap semester sehingga tamat pengajiannya.

(3) Tempoh Pemerhatian Akademik dan Amaran

Mana-mana pelajar yang memperolehi PNG di bawah 2.0 dalam sesuatu semester akan diberi keputusan Pemerhatian bagi semester berkenaan dan diletakkan di dalam Tempoh Pemerhatian Akademik dalam Semester berikutnya. Tempoh ini akan terus kekal sehingga PNG pelajar tersebut mencapai 2.0.

(4) Gagal Keluar

(a) Seseorang pelajar boleh ditamatkan daripada program pengajiannya sekiranya:

- (i) sedang berada dalam Tempoh Pemerhatian Akademik dan selepas itu mendapat PNG 1.5 atau kurang untuk dua semester berturut-turut;
- (ii) memperolehi PNG kurang daripada 2.0 untuk tiga semester berturut-turut;
- (iii) memperolehi gred F sebanyak tiga kali bagi kursus yang sama;
- (iv) memperolehi PNGK kurang daripada 1.0 untuk dua semester berturut-turut; dan
- (v) gagal menyempurnakan keperluan program pengajiannya dalam tempoh maksimum yang ditetapkan.

(b) Mana-mana pelajar yang diterima masuk semula selepas gagal keluar dan memperolehi PNG kurang dari 2.0 akan ditamatkan pengajiannya.

9. Tidak Hadir Peperiksaan

(1) Peraturan Am

Mana-mana pelajar yang tidak hadir pada mana-mana kertas peperiksaan akan diberi markah sifar bagi komponen peperiksaan akhir kursus berkenaan.

(2) Tidak hadir peperiksaan atas sebab perubatan/perikemanusiaan:

(a) Pelajar yang tidak mengambil sebahagian atau keseluruhan peperiksaan atas alasan perubatan (sakit) atau perikemanusiaan (simpati) iaitu ditimpa musibah atau kematian ibubapa serta waris terdekat seperti penjaga, anak, suami/isteri, adik beradik, datuk atau nenek hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Pengarah/Ketua Bahagian tidak lewat daripada dua (2) minggu dari tarikh peperiksaan kursus berkenaan. Sekiranya tidak ada permohonan bertulis diterima, komponen peperiksaan akhir kursus berkenaan akan diberikan markah sifar.

(b) Permohonan bertulis itu mestilah disertakan dengan:

- (i) sijil sakit dan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Doktor Klinik Kesihatan Pelajar atau hospital kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Malaya atau Pusat Perubatan/Hospital Swasta sekiranya atas sebab perubatan. Sijil cuti sakit tanpa laporan perubatan tentang jenis penyakit pelajar tidak akan diberi pertimbangan; atau
- (ii) satu laporan daripada pegawai daerah atau pegawai polis yang menjadi ketua daerahnya jika telah tidak memasuki sebahagian atau seluruh peperiksaannya disebabkan oleh sebab perikemanusiaan (simpati).

10. Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

- (1) Pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan termasuk komponen penilaian berterusan dan peperiksaan akhir kursus boleh membuat rayuan untuk keputusan tersebut disemak semula. Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan.
- (2) Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah bersama dengan resit asal bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- (3) Rayuan tidak akan diterima sekiranya:
 - (a) dikemukakan selepas tempoh yang dinyatakan di atas; atau
 - (b) tidak dikemukakan bersama-sama dengan resit asal bayaran.
- (4) Jawatankuasa Rayuan UMCCed akan memutuskan sama ada markah dan/atau gred keputusan peperiksaan tersebut dikekalkan atau dipinda.

11. Penilaian Kursus dan Pengajaran (PKP)

- (1) Eksesais 'Penilaian Kursus dan Pengajaran' (PKP) akan bermula pada minggu kuliah ke sembilan dan tamat pada minggu kuliah keempat belas bagi Semester II dan Semester III. Bagi Semester I ianya akan bermula pada minggu kuliah kelima dan tamat pada minggu kuliah ketujuh.
- (2) Tujuan utama eksesais PKP dijalankan adalah untuk menggunakan maklumat dari penilaian pelajar untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bagi kursus berkenaan.

12. KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2014/2015 (Secara Am)

SEMESTER 1				
Pendaftaran & Haluansiswa	06 Julai 2014	-	07 Julai 2014	(2 hari)
*Kuliah	08 Julai 2014	-	24 Ogos 2014	(7 minggu)
Peperiksaan Akhir	25 Ogos 2014	-	30 Ogos 2014	(1 minggu)
Cuti Semester	31 Ogos 2014	-	07 September 2014	(1 minggu)
SEMESTER 2				
Kuliah	08 September 2014	-	04 Oktober 2014	(4 minggu)
~Cuti Antara Semester	05 Oktober 2014	-	12 Oktober 2014	(1 minggu)
**Kuliah	13 Oktober 2014	-	21 Disember 2014	(10 minggu)
#Minggu Ulangkaji	22 Disember 2014	-	28 Disember 2014	(1 minggu)
Peperiksaan Akhir	29 Disember 2014	-	11 Januari 2015	(2 minggu)
Cuti Semester	12 Januari 2015	-	08 Februari 2015	(4 minggu)
SEMESTER 3				
@Kuliah	09 Februari 2015	-	29 Mac 2015	(7 minggu)
Cuti Antara Semester	30 Mac 2015	-	05 April 2015	(1 minggu)
Kuliah	06 April 2015	-	24 Mei 2015	(7 minggu)
Minggu Ulangkaji	25 Mei 2015	-	31 Mei 2015	(1 minggu)
Peperiksaan Akhir	01 Jun 2015	-	14 Jun 2015	(2 minggu)
Cuti Semester	15 Jun 2015	-	05 Julai 2015	(3 minggu)

- Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

- Kalendar pengajian sesi akademik 2015/2016 akan dimaklumkan pada Semester 3 Sesi 2014/2015

Catatan:

*Hari Raya Aidilfitri (28 -29 Julai 2014 Isnin & Selasa)

~ Hari Raya Haji (5 Oktober 2014 Ahad)

**Hari Deepavali (23 Oktober 2014 Khamis)

#Hari Krismas (25 Disember 2014 Khamis)

@Tahun Baru Cina (19 - 20 Februari 2015 Khamis & Jumaat)

13. Senarai Kursus Mengikut Semester

(1) Diploma Pengurusan

KOMPONEN	TAHUN 1						JUMLAH JAM KREDIT
	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		
	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	
Kursus Wajib Universiti			DDWU 1201 - English Language Proficiency	4	DDWU 1202 - Critical Thinking and Effective Presentation Skills	4	
			DDWU 1203 - Program Pembangunan Kendiri I	2	DDWU 1204 - Program Pembangunan Kendiri II	2	
Kursus Teras	UECM 1103 - Prinsip Ekonomi	4	UECM 1201 - Prinsip Perakaunan	4	UECM 1106 - Sistem Maklumat Pengurusan	4	
	UECM 1102 - Prinsip Pemasaran	4	UECM 1101 - Pengenalan kepada Pengurusan	4	UECM 1107 - Penyelidikan Perniagaan	4	
			UECM 1105 - Etika dan Undang-undang Perniagaan	4	UECM 1104 - Tingkah Laku Organisasi	4	
Jumlah Kredit		8		18		18	
KOMPONEN	TAHUN 2						JUMLAH JAM KREDIT
	SEMESTER 4		SEMESTER 5		SEMESTER 6		
	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	
Kursus Wajib Universiti	DDWU 1303 - Introduction to Business and Professional Writing	4	DDWU 1101 - Kemahiran Perundingan	3			
			DDWU 1103 - Asas Pembudayaan Usahawan	3			
			DDWU 1304 - Program Pembangunan Kendiri III	2			
Kursus Teras	UECM 2103 - Pengurusan Sumber Manusia	4	UECM 2101 - Pengurusan Projek	4	UECM 2102 - Keusahawanan dan Perniagaan Kecil	4	
			UECM 2104 - Psikologi Tingkah Laku Kerja	4	UECM 2105 - Pengurusan Komunikasi Korporat	4	
			UECM 2201 - Perakaunan dan Pengurusan Kewangan	4	UECM 2106 - Pengurusan Kualiti	4	
					UECM 2107 - Pengurusan Operasi	4	
					UECM 2108 - Penyesuaian dan Pelaksanaan Strategi	4	
Jumlah Kredit		8		20		20	48
JUMLAH KREDIT KESELURUHAN							92

(2) Diploma Pengurusan Perniagaan

KOMPONEN	TAHUN 1						JUMLAH JAM KREDIT
	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		
	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	
Kursus Wajib Universiti			DDWU 1201 - English Language Proficiency	4	DDWU 1202 - Critical Thinking and Effective Presentation Skills	4	
			DDWU 1203 - Program Pembangunan Kendiri I	2	DDWU 1204 - Program Pembangunan Kendiri II	2	
Kursus Teras	UECB 1103 - Prinsip Ekonomi	4	UECB 1201 - Prinsip Perakaunan	4	UECB 1106 - Sistem Maklumat Pengurusan	4	
	UECB 1102 - Prinsip Pemasaran	4	UECB 1101 - Pengenalan kepada Pengurusan	4	UECB 1107 - Penyelidikan Perniagaan	4	
			UECB 1105 - Etika dan Undang-undang Perniagaan	4	UECB 1104 - Tingkah Laku Organisasi	4	
Jumlah Kredit		8		18		18	44
KOMPONEN	TAHUN 2						JUMLAH JAM KREDIT
	SEMESTER 4		SEMESTER 5		SEMESTER 6		
	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	
Kursus Wajib Universiti	DDWU 1303 - Introduction to Business and Professional Writing	4	DDWU 1101 - Kemahiran Perundingan	3			
			DDWU 1103 - Asas Pembudayaan Usahawan	3			
			DDWU 1304 - Program Pembangunan Kendiri III	2			
Kursus Teras	UECB 2106 - Kewangan Islam	4	UECB 2101 - Pengurusan Projek	4	UECB 2107 - Strategi Perniagaan	4	
			UECB 2103 - Perniagaan Antarabangsa	4	UECB 2102 - Keusahawanan dan Perniagaan Kecil	4	
			UECB 2201 - Perakaunan dan Pengurusan Kewangan	4	UECB 2104 - Pengurusan Perkhidmatan	4	
					UECB 2105 - Pengurusan Komunikasi Korporat	4	
					UECB 2108 - E-Perniagaan	4	
Jumlah Kredit		8		20		20	48
JUMLAH KREDIT KESELURUHAN							92

(3) Diploma Pengurusan Sumber Manusia

KOMPONEN	TAHUN 1						JUMLAH JAM KREDIT
	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		
	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	
Kursus Wajib Universiti			DDWU 1201 - English Language Proficiency	4	DDWU 1202 - Critical Thinking and Effective Presentation Skills	4	
			DDWU 1203 - Program Pembangunan Kendiri I	2	DDWU 1204 - Program Pembangunan Kendiri II	2	
Kursus Teras	UECH 1103 - Prinsip Ekonomi	4	UECH 1104 - Prinsip Perakaunan	4	UECH 1106 - Sistem Maklumat Pengurusan	4	
	UECH 1102 - Prinsip Pemasaran	4	UECH 1101 - Pengenalan kepada Pengurusan	4	UECH 1107 - Penyelidikan Perniagaan	4	
			UECH 1105 - Etika dan Undang-undang Perniagaan	4	UECH 1201 - Tingkah Laku Organisasi	4	
Jumlah Kredit		8		18		18	
KOMPONEN	TAHUN 2						JUMLAH JAM KREDIT
	SEMESTER 4		SEMESTER 5		SEMESTER 6		
	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	
Kursus Wajib Universiti	DDWU 1303 - Introduction to Business and Professional Writing	4	DDWU 1101 - Kemahiran Perundingan	3			
			DDWU 1103 - Asas Pembudayaan Usahawan	3			
			DDWU 1304 - Program Pembangunan Kendiri III	2			
Kursus Teras	UECH 2103 - Pengurusan Sumber Manusia	4	UECH 2101 - Pengurusan Projek	4	UECH 2102 - Pengurusan Pampasan dan Faedah	4	
			UECH 2104 - Psikologi Tingkah Laku Kerja	4	UECH 2105 - Undang-undang Pekerjaan	4	
			UECH 2108 - Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	4	UECH 2106 - Perancangan Sumber Manusia	4	
					UECH 2107 - Perhubungan Industri	4	
				UECH 2201 - Latihan dan Pembangunan	4		
Jumlah Kredit		8		20		20	48
JUMLAH KREDIT KESELURUHAN							92

BAHAGIAN III
PRO FORMA KURSUS

1. Kursus Wajib Universiti (Diploma Pengurusan)

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1201
Tajuk Kursus*	<i>English Language Proficiency</i>
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Kredit dalam Bahasa Inggeris SPM atau yang setaraf.
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	160 jam
Kredit*	4
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan sosial dan pekerjaan. 2. Menggunakan ungkapan, frasa dan struktur ayat yang kerap digunakan dalam interaksi sosial. 3. Mengenal pasti teks bertulis yang mudah dalam kehidupan seharian. 4. Menulis teks yang ringkas untuk tujuan sosial dan kerja. 5. Menghuraikan persembahan lisan yang mudah di seminar dan mesyuarat. 6. Membuat pembentangan lisan yang pendek. 7. Menggunakan '<i>thesaurus</i>' dan kamus secara berkesan.
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini terdiri daripada bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang membantu pelajar memperoleh kemahiran asas dalam Bahasa Inggeris (mendengar, membaca, bercakap dan menulis). Pelajar akan didedahkan dan diajar untuk menggunakan kemahiran dan strategi yang akan membantu mereka menggunakan bahasa dalam kehidupan seharian/sosial mereka dan juga di tempat kerja. Ini termasuk melibatkan diri dalam interaksi pertuturan bagi komunikasi sosial dan tempat kerja, memahami dan menghasilkan teks ringkas seperti emel dan rencana akhbar, membuat pembentangan lisan yang pendek dan mudah, serta bekerja dalam kumpulan. Kaedah, bahan dan tugas-tugas yang digunakan adalah tulen, oleh itu pendekatan bersepadu yang menggabungkan kesemua empat kemahiran bahasa akan diguna pakai. Pelajar juga akan diajar cara untuk menggunakan <i>thesaurus</i> dan kamus secara</p>

	berkesan. Penekanan akan diberikan terhadap penggunaan bahasa yang sesuai, tepat dan berkesan (lisan dan bukan lisan) dan alat bantuan pandang dengar.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah, tutorial, kerja berkumpulan, demonstrasi audio-visual
Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1202
Tajuk Kursus*	<i>Critical Thinking and Effective Presentation Skills</i>
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Lulus <i>English Language Proficiency</i> (DDWU 1201)
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	160 jam
Kredit*	4
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan peranan komunikasi yang berkesan dan kemahiran berfikir secara kritis dalam sesebuah organisasi 2. Menganalisis masalah dengan menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran komunikasi yang relevan 3. Berpegang pada prinsip dan pertimbangan etika dalam konteks ekonomi, alam sekitar dan sosio-budaya apabila membuat keputusan 4. Menunjukkan kemahiran kerja berpasukan 5. Mempersembahkan idea-idea secara lisan dan bertulis dengan menggunakan organisasi, bahasa dan alat bantuan pandang yang sesuai dan tepat
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini terdiri daripada bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang membantu pelajar memahami dan mengaplikasi prinsip-prinsip dan amalan pemikiran kritikal, kerja berpasukan, komunikasi lisan dan bertulis yang berkesan dan pembentangan lisan. Ini termasuk dapat mengenal pasti dan menganalisis isu-isu, masalah dan hujah, sumber dan mensintesis maklumat dan bekerjasama dalam kumpulan untuk menyediakan dan mempersembahkan penyelesaian yang kreatif dan berkesan. Kursus ini adalah berdasarkan kepada semua kemahiran ini boleh dibangunkan melalui pengajaran dan amalan berpandu. Pelajar akan didedahkan kepada contoh masalah yang mungkin mereka hadapi dalam kehidupan seharian. Pendekatan interaktif dan penyelesaian masalah digunakan untuk memudahkan pemerolehan kemahiran yang berkaitan di mana pelajar diberi panduan</p>

	yang cukup bagaimana untuk menganalisis, mencari penyelesaian dan membentangkan secara lisan dan bertulis masalah-masalah tersebut. Penekanan akan diberikan terhadap penggunaan bahasa (lisan dan bukan lisan) yang sesuai, tepat, dan berkesan serta alat bantu pandang.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah, tutorial, kerja berkumpulan, demonstrasi audio-visual
Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1303
Tajuk Kursus*	<i>Introduction to Business and Professional Writing</i>
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Lulus <i>Critical Thinking and Effective Presentation Skills</i> (DDWU 1202)
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	160 jam
Kredit*	4
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan peranan penulisan profesional dan perniagaan dalam organisasi 2. Mengenal pasti jenis penulisan perniagaan dan profesional yang lazim dalam organisasi 3. Menghurai format genre lazim bagi penulisan perniagaan dan profesional dalam organisasi 4. Mengaplikasikan prinsip penulisan yang berkesan untuk tujuan perniagaan dan profesional 5. Mengemukakan dokumen yang berkesan untuk tujuan perniagaan dan profesional dalam organisasi perniagaan
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas, kemahiran dan strategi untuk menulis secara berkesan untuk pelbagai tujuan dalam perniagaan dan bidang profesional. Mereka akan didedahkan kepada contoh penulisan dokumen tipikal yang baik dan tidak baik dalam organisasi seperti kurikulum vitae, memo, surat, emel dan laporan pendek bagi membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terlibat dalam penulisan perniagaan dan profesional. Oleh itu, mereka akan diajar untuk memilih dan menyusun maklumat yang berkaitan mengikut penerima dan tujuan, menulis menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat serta mengikut susun atur dokumen perniagaan yang berkaitan. Mereka juga akan diberi peluang untuk membangunkan kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah.</p>
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah, tutorial dan kerja berkumpulan

Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan.
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1101
Tajuk Kursus*	Kemahiran Perundingan
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Tiada
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	121 jam
Kredit*	3
Hasil Pembelajaran Kursus*	Pada akhir kursus, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenal pasti konsep umum dan asas perundingan 2. Menghuraikan teori pembezaan yang membawa kepada perundingan 3. Mengenal pasti proses, cara perundingan dan cara menyelesaikan masalah 4. Menghuraikan strategi, amalan terbaik dan keberkesanan dalam perundingan
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	Kursus ini mendedahkan pelajar kepada beberapa teori etika dan moraliti yang berkaitan kerja, kehidupan semasa, kepenggunaan serta tanggungjawab sosial. Pelajar juga didedahkan kepada pengetahuan asas undang-undang perniagaan seperti pembentukan syarikat, rakan kongsi, dan hak pekerja. Selain dari itu pengetahuan seperti undang-undang asas syarikat, undang-undang asas perniagaan juga dimasukkan.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah, tutorial dan kajian kes
Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

 UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR	PRO FORMA KURSUS
--	-------------------------

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1103
Tajuk Kursus*	Asas Pembudayaan Usahawan
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Tiada
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	120 jam
Kredit*	3
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan konsep keusahawanan dan kepentingan bidang keusahawanan 2. Menghuraikan mengenai etika keusahawanan 3. Mengenal pasti sifat keusahawanan dalam sendiri 4. Mengaplikasi aspek kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan 5. Menyediakan rancangan perniagaan
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini cuba menerapkan elemen asas pembudayaan keusahawanan kepada semua pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasaran yang berpotensi. Antara topik yang akan diajar termasuklah konsep dan perkembangan keusahawanan, analisis kompetensi keusahawanan diri, etika keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan, peluang perniagaan, kemahiran memulakan perniagaan, merancang perniagaan dan kemahiran mengurus projek perniagaan. Di samping itu, penglibatan langsung pelajar dalam pengendalian satu projek perniagaan secara individu/berkumpulan diharap dapat mencetus minat serta memberi latihan yang lebih bermakna dan berkesan kepada pelajar mengenai realiti dunia perniagaan sebenar.</p>
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah dan perbincangan kumpulan

Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan.
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1203
Tajuk Kursus*	Program Pembangunan Kendiri I
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Tiada
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	80 jam
Kredit*	2
Hasil Pembelajaran Kursus*	Pada akhir kursus, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan konsep Program Pembangunan Kendiri 2. Menunjukkan kebolehan berkomunikasi dengan berkesan dalam perbincangan dan pembentangan 3. Menyediakan portfolio untuk pembangunan kendiri
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai konsep-konsep asas Program Pembangunan Kendiri. Di samping itu, perbincangan memberi penekanan terhadap pendekatan yang boleh digunakan oleh individu untuk memajukan diri untuk menjadi lebih cemerlang dalam pelajaran dan dalam organisasi pada masa depan. Antara topik yang akan dibincangkan ialah: pengenalan kepada Program Pembangunan Kendiri, aktiviti-aktiviti pembangunan yang diurus sendiri, melaksanakan idea, tindakan pembangunan diri, membina program pembangunan peribadi anda, pembelajaran dan perkembangan peribadi, menggunakan teknologi dalam pembelajaran peribadi anda, cara yang berkesan untuk mengendalikan tekanan dan membangunkan pembangunan kerjaya profil peribadi anda
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah dan perbincangan kumpulan

Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan : 100%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1204
Tajuk Kursus*	Program Pembangunan Kendiri II
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Program Pembangunan Kendiri I (DDWU 1203)
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	80 jam
Kredit*	2
Hasil Pembelajaran Kursus*	Pada akhir kursus, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggambarkan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran ini kepada pelan pembangunan kendiri 2. Menyediakan pelan untuk matlamat peribadi dan mencari jalan untuk mencapai matlamat ini 3. Mengajukan projek kumpulan yang menunjukkan pemahaman dan rasa hormat kepada budaya dan kepercayaan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	Kursus ini bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri dan juga orang lain. Pelajar perlu menyediakan portfolio yang mengandungi Kurikulum Vitae, pencapaian akademik, pembelajaran reflektif, matlamat peribadi dan rancangan untuk mencapai matlamat mereka. Pelajar perlu membuat projek dan perbentangan secara berkumpulan.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah dan kerja berkumpulan
Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan : 100%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan.
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan
Kod Kursus*	DDWU 1304
Tajuk Kursus*	Program Pembangunan Kendiri III
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Program Pembangunan Kendiri II (DDWU 1204)
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	80 jam
Kredit*	2
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengaplikasikan pelan peribadi yang telah disediakan dalam kursus Program Pembangunan Kendiri II (DDWU 1204). 2. Membina renungan mengenai potensi kerjaya dan perancangan masa depan 3. Menunjukkan kemahiran yang diperlukan untuk mencari dan mendapatkan pekerjaan
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	Kursus ini bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang bertanggungjawab bagi pembangunan peribadi dan kerjaya mereka. Pelajar hendaklah terus menyediakan portfolio yang mengandungi Kurikulum Vitae, pencapaian akademik, pembelajaran reflektif, matlamat peribadi dan kerjaya dan rancangan untuk mencapai matlamat mereka. Kursus akan meliputi perancangan kerjaya, mencari pekerjaan, permohonan pekerjaan, penulisan CV dan kritikan, teknik temu duga dan visi kerjaya.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah dan kerja berkumpulan

Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan : 100%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

2. Kursus Wajib Universiti (Diploma Pengurusan Perniagaan)

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan Perniagaan
Kod Kursus*	DDWU 1201
Tajuk Kursus*	<i>English Language Proficiency</i>
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Kredit dalam Bahasa Inggeris SPM atau yang setaraf.
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	160 jam
Kredit*	4
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 8. Menerangkan kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan sosial dan pekerjaan. 9. Menggunakan ungkapan, frasa dan struktur ayat yang kerap digunakan dalam interaksi sosial. 10. Mengenal pasti teks bertulis yang mudah dalam kehidupan seharian. 11. Menulis teks yang ringkas untuk tujuan sosial dan kerja. 12. Menghuraikan persembahan lisan yang mudah di seminar dan mesyuarat. 13. Membuat pembentangan lisan yang pendek. 14. Menggunakan '<i>thesaurus</i>' dan kamus secara berkesan.
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini terdiri daripada bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang membantu pelajar memperoleh kemahiran asas dalam Bahasa Inggeris (mendengar, membaca, bercakap dan menulis). Pelajar akan didedahkan dan diajar untuk menggunakan kemahiran dan strategi yang akan membantu mereka menggunakan bahasa dalam kehidupan seharian/sosial mereka dan juga di tempat kerja. Ini termasuk melibatkan diri dalam interaksi pertuturan bagi komunikasi sosial dan tempat kerja, memahami dan menghasilkan teks ringkas seperti emel dan rencana akhbar, membuat pembentangan lisan yang pendek dan mudah, serta bekerja dalam kumpulan. Kaedah, bahan dan tugas-tugas yang digunakan adalah tulen, oleh itu pendekatan bersepadu yang menggabungkan kesemua empat kemahiran bahasa akan diguna pakai. Pelajar juga akan diajar cara untuk menggunakan <i>thesaurus</i> dan kamus secara</p>

	berkesan. Penekanan akan diberikan terhadap penggunaan bahasa yang sesuai, tepat dan berkesan (lisan dan bukan lisan) dan alat bantuan pandang dengar.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah, tutorial, kerja berkumpulan, demonstrasi audio-visual
Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Sila rujuk Buku Panduan Program Pengajian Diploma 2014 dan Peraturan-Peraturan Peperiksaan UMCCed

PENTING:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Institut/Pusat	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Jabatan	Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan
Program	Diploma Pengurusan Perniagaan
Kod Kursus*	DDWU 1202
Tajuk Kursus*	<i>Critical Thinking and Effective Presentation Skills</i>
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Lulus <i>English Language Proficiency</i> (DDWU 1201)
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	160 jam
Kredit*	4
Hasil Pembelajaran Kursus*	<p>Pada akhir kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Menjelaskan peranan komunikasi yang berkesan dan kemahiran berfikir secara kritis dalam sesebuah organisasi 7. Menganalisis masalah dengan menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran komunikasi yang relevan 8. Berpegang pada prinsip dan pertimbangan etika dalam konteks ekonomi, alam sekitar dan sosio-budaya apabila membuat keputusan 9. Menunjukkan kemahiran kerja berpasukan 10. Mempersembahkan idea-idea secara lisan dan bertulis dengan menggunakan organisasi, bahasa dan alat bantuan pandang yang sesuai dan tepat
Kemahiran Boleh Pindah	Tiada
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini terdiri daripada bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang membantu pelajar memahami dan mengaplikasi prinsip-prinsip dan amalan pemikiran kritikal, kerja berpasukan, komunikasi lisan dan bertulis yang berkesan dan pembentangan lisan. Ini termasuk dapat mengenal pasti dan menganalisis isu-isu, masalah dan hujah, sumber dan mensintesis maklumat dan bekerjasama dalam kumpulan untuk menyediakan dan mempersembahkan penyelesaian yang kreatif dan berkesan. Kursus ini adalah berdasarkan kepada semua kemahiran ini boleh dibangunkan melalui pengajaran dan amalan berpandu. Pelajar akan didedahkan kepada contoh masalah yang mungkin mereka hadapi dalam kehidupan seharian. Pendekatan interaktif dan penyelesaian masalah digunakan untuk memudahkan pemerolehan kemahiran yang berkaitan di mana pelajar diberi panduan</p>

	yang cukup bagaimana untuk menganalisis, mencari penyelesaian dan membentangkan secara lisan dan bertulis masalah-masalah tersebut. Penekanan akan diberikan terhadap penggunaan bahasa (lisan dan bukan lisan) yang sesuai, tepat, dan berkesan serta alat bantu pandang.
Strategi Pembelajaran (kuliah, tutorial, bengkel, perbincangan, dll)	Kuliah, tutorial, kerja berkumpulan, demonstrasi audio-visual
Pemberatan Penilaian*	Penilaian berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi	Maklum balas <i>online</i> , dalam kelas dan pemarkahan
